

Kerajaan setuju jual unit rumah PA Setapak Jaya A1, Seri Negeri Sembilan

Penantian penghuni berakhir

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Jun - Penantian penyewa di Perumahan Awan (PA) Setapak Jaya A1 dan PA Seri Negeri Sembilan untuk memiliki rumah sendiri kini hampir tercapai apabila kerajaan telah bersetuju untuk menjual unit rumah di PA itu kepada penyewa-penyewa sedia ada.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, kerajaan telah bersetuju untuk menjual 486 unit rumah di PA Setapak Jaya A1 dan 789 unit rumah di PA Seri Negeri Sembilan.

Katanya, beliau berharap agar pengumuman itu akan menjadi berita gembira kepada penghuni yang menetap di perumahan tersebut.

"Bagaimanapun, terdapat satu syarat yang harus dipenuhi oleh pembeli iaitu kerajaan bersetuju bila ada pembangunan semula yang akan dibuat di situ.

"Perkuduk yang terlibat dengan pembangunan semula itu nanti tidak perlu risau kerana mereka akan dapat balik semula ke rumah mereka dalam keadaan rumah yang lebih baik," katanya.



RAJA Nong Chik Raja Zainal Abidin (tengah) bersama Zulhasnan Rafique (barisan depan, tiga dari kanan) memotong pulut kuning sebagai simbolik perasmian majlis Penyerahan Skim Bantuan Sewa Rumah PPR dan PA DBKL di Setapak, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ASNAID YAHYA

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Skim Bantuan Sewa Rumah Projek

Perumahan Rakyat (PPR) dan PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di PA Setapak Jaya A1 di sini,

malam tadi.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar

dan Pengurus Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Adnan Md. Ikhwan dan Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Zulhasnan Rafique.

Pada majlis tersebut, beliau telah menyampaikan surat pengesahan sebagai penerima skim khas bantuan sewa rumah PPR/PA DBKL siri pertama kepada 348 orang penyewa di kawasan Parlimen Setiawangsa yang dikenal pasti layak dan mematuhi syarat yang ditetapkan.

Sementara itu, beliau memberitahu, pihak DBKL telah selesai melaksanakan audit kerosakan ke atas 76 kawasan PA DBKL dan PPR di seluruh Kuala Lumpur.

Beliau turut mengumumkan bahawa kerja pembaikan kerosakan di luar kawasan unit rumah atau di dalam unit rumah bagi PA Setapak Jaya A1 oleh kontraktor yang dipilih akan bermula pada 4 Jun yang melibatkan perbelanjaan hampir RM1.25 juta.

"Bagi 2012 sahaja, sebanyak RM10 juta diperuntukan oleh DBKL bagi perbelanjaan melaksanakan projek kecil seperti pembinaan pondok pengawal serta palang keselamatan, gelanggang sukan tiga dalam satu, wakaf berbumbung, pentas kekal, tempat letak motosikal dan taman landskap," jelasnya.